

PEMBERIAN (HAK) ISTERI SEBELUM
DAN SELEPAS PERKAHWINAN

SAKINAH BINTI ISMAIL

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

Kulliyah of Laws

IIU

Date Received : *20-9-94*



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيْلَتِي اِسْلَامِيَّةٍ اَنْبَارًا يَجْنِبًا مِلْدِيْنًا

PEMBERIAN (HAK) ISTERI SEBELUM
DAN SELEPAS PERKAHWINAN

OLEH

SAKINAH BINTI ISMAIL

(B 9310199)

Kertas projek ini adalah satu latihan ilmiah
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan
Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman
Islam .

SESI 93/94 .

KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA.

(Mei , 1994)

٥٥١٣٢١

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
LIBRARY
Copy no: 339602 (1)
Date: 22 - 9 - 94 ZMS

1
BP
158.5
K22
S158F
1994

DEDIKASI.

Ku sembahkan penulisan ini
Khas buat mak , ayah
Serta adik-adik tersayang.
Terima kasih di atas segala
pengorbanan dan sumbangsih
selama ini ...
Sesungguhnya tidak dapat kubalas
pengorbanan kalian itu ,
Semoga ALLAH jua akan membalasnya .
AMIN !.

Abstrak

Dalam urusan perkahwinan , Islam telah menetapkan beberapa hak dan perlindungan kepada isteri untuk menjamin kepada kehidupan mereka . Hak-hak isteri adalah merupakan tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh suami . Hak seorang isteri bukanlah rekaan dan mengikut adat kebiasaan , seperti pendapat umum , sebenarnya ia telah ditetapkan oleh syariat Islam , Di dalam soal menjelaskan soal " hak isteri sebelum dan selepas perkahwinan" , yang merupakan tajuk perbahasan di dalam penulisan ini , penulis telah membahagikannya kepada beberapa bab :

Bab pertama , penulis cuba memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai tajuk yang dikaji , yang dijelaskan di dalam bahagian pendahuluan . Objektif kajian , skop kajian dan metod kajian iaitu cara mana kajian dibuat juga dimuatkan dalam bab yang pertama ini .

Di dalam bab kedua , penulis membincangkan mengenai konsep perkahwinan di dalam Islam , serta pandangan Islam terhadap perkahwinan itu sendiri . Penulis menyentuh soal perkahwinan kerana hak seorang isteri itu bermula dengan wujudnya satu akad perkahwinan

yang sah , seperti hak isteri dalam mendapatkan maskahwin dan hak untuk mendapatkan nafkah dari suami .

Seterusnya , bab ketiga yang merupakan bab yang terpenting kerana di dalam bab inilah penulis membuat kupasan mengenai tajuk yang di pilih iaitu " pemberian (hak isteri) sebelum dan selepas perkahwinan" .

Penulis membahagikan bab ketiga ini kepada dua fasal . Fasal pertama membincangkan mengenai pemberian-pemberian yang perlu diberi oleh suami kepada isterinya. Perbincangan menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan , bermula dari pertunangan pemberian ketika pertunangan serta kesan dari pemungkiran pertunangan . Hak isteri untuk memilih dan melihat bakal suaminya , serta haknya dalam mendapatkan maskahwin .

Fasal kedua , di dalam bab ketiga , penulis memfokuskan hak isteri selepas perkahwinan , iaitu hak untuk mendapatkan nafkah zahir dan layanan batin dari suami . Kecuaian serta kegagalan pihak suami menunaikan tanggungjawab nafkah serta kesan dan akibat dari kegagalan tersebut . Ta'lik talak juga ada diperbincangkan dalam fasal ini kerana ia ada kaitan dengan kegagalan menunaikan nafkah.

Bab keempat yang merupakan bab yang terakhir penulis membuat rumusan dari tajuk yang diperbincangkan. Saranan kepada pihak - pihak tertentu agar tidak mengabaikan hak isteri yang telah digariskan oleh Islam.

PENGHARGAAN .

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ۞
المجد لله رب العالمين والصلوة والسلام على اشرف الانبياء
والمرسلين وعلى آله وصحبه اجمعين .

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t yang memberikan taufik dan hidayahnya sehingga kertas projek ini dapat disempurnakan .

Dalam kesempatan yang ada ini , penulis ingin mempersembahkan ucapan terima kasih kepada Al Fadhil Ustaz Idris Omar , selaku penyelia ke atas kertas projek ini . Buah fikiran , teguran dan bimbingan yang diberikan tanpa mengenal erti jemu serta sudi meluang masa untuk membuat semakan ke atas hasil kerja penulis .

Seterusnya tidak lupa juga ucapan terima kasih penulis kepada Prof . Madya Nik Abdul Rashid (Pak Nik) dan pensyarah-pensyarah Diploma undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia , yang mencurahkan ilmu semasa penulis mengikuti kursus ini .

Penulis juga ingin mempersembahkan penghargaan buat rakan-rakan seperjuangan istimewa buat Misah , Wana

, ustazah Nik dan adik-adik Milisa . Sokongan dan kerjasama mereka memberi kekuatan kepada penulis untuk menyempurnakan kertas projek ini .

Di kesempatan yang ada ini juga penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung memberikan dorongan , idea serta apa jua bentuk pertolongan yang dihulurkan kepada penulis dalam proses penyiapan kertas projek ini .

Semuga setiap pertolongan yang diberikan akan mendapat ganjaran dari Allah . Semuga Allah merahmati kita semua .

Kalian sentiasa dalam ingatan . Salam kemesraan dari penulis untuk semua .

Wassalam .

Sakinah binti Ismail

155 B Belakang masjid

Sik Dalam

08200 Sik

Kedah. Darul Aman .

DAFTAR ISI .

Muka surat .

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vi
SENARAI KES	viii
SENARAI STATUT	ix
BAB PERTAMA	
PENDAHULUAN	1
OBJEKTIF KAJIAN	2
SKOP KAJIAN	4
METOD KAJIAN	5
BAB KEDUA	
KONSEP PERKAHWINAN DALAM ISLAM	6
DEFINISI KAHWIN	8
DALIL PENSYARIATAN KAHWIN	9
PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	12
TUJUAN PERKAHWINAN	14
HUKUM PERKAHWINAN	15
HIKMAT PERKAHWINAN	18
RUKUN NIKAH	18
PERKAHWINAN YANG DILARANG OLEH ISLAM	19
BAB KETIGA .	
(FASAL PERTAMA)	
HAK-HAK SEBELUM PERKAHWINAN	23
PERTUNANGAN DIBAWAH UNDANG-UNDANG ISLAM	24
PEMBERIAN KETIKA PERTUNANGAN DAN PEMUNGKIRAN	
PERTUNANGAN	26
PEMUNGKIRAN PERTUNANGAN MENGIKUT ENAKMEN	27
PEMUNGKIRAN PERTUNANGAN MENGIKUT FUQAHAH'	28
PEMUNGKIRAN PERTUNANGAN MENGIKUT ADAT	31
HAK DALAM MEMILIH BAKAL SUAMI	32
HAK DALAM MENDAPATKAN MASKAHWIN	34

HAK ISTERI ATAS MASKAHWIN	35
BAHAGIAN MASKAHWIN	37
KADAR MASKAHWIN	37
HAK UNTUK DIMINTA KEIZINAN	39

BAB KETIGA
(FASAL KEDUA)

HAK MENDAPATKAN NAFKAH	43
TAKRIF NAFKAH	43
DALIL PENSYARIATAN NAFKAH	44
BAHAGIAN NAFKAH	46
- NAFKAH ZAHIR (KEBENDAAN)	46
- HAK BUKAN KEBENDAAN	48
- MENUNAIKAN NAFKAH BATIN	50
- NAFKAH DIBAWAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM	54

BAB KEEMPAT

ULASAN DAN SARANAN	59
PENUTUP	69

BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN

SENARAI KES

JANET lwn KHUDA BASHH.

NAFSIAH lwn ABD MAJID .

SYED ABDULLAH SHATARI v SHARIFFA SALMA.

SENARAI STATUT .

Seksyen 15 , enakmen keluarga Islam Selangor

Seksyen 15 , enakmen keluarga Islam Wilayah persekutuan

Seksyen 8 , enakmen keluarga Islam Kelantan

Seksyen 14 , enakmen keluarga Islam Kelantan

Seksyen 6 , enakmen keluarga Islam Kedah

Seksyen 8 , enakmen keluarga Islam Wilayah Persekutuan

Seksyen 8 , enakmen keluarga Islam Selangor

Seksyen 122 (5) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam
Perak

Seksyen 128 , undang-undang Pentadbiran Uagama Islam
Selangor .

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN.

Keluarga adalah satu institusi istimewa dalam sebuah masyarakat. Oleh itu , ia hendaklah terus dipelihara serta dikekalkan . Untuk mengekalkan institusi keluarga ini agar ia sentiasa berada dalam suasana harmoni , aman dan bahagia bukanlah satu perkara mudah sebagaimana anggapan sesetengah pihak .

Dalam mengekalkan sebuah rumahtangga , ia perlu dibentuk sebelum wujudnya perkahwinan lagi . Bagi seorang lelaki atau wanita , mereka perlu membuat persediaan awal bermula dari peringkat memilih jodoh . Dalam soal memilih jodoh wanita hendaklah diberi hak sepertimana kebebasan yang diberi kepada kaum lelaki untuk memilih pasangan hidup mereka . Hal ini penting kerana , keserasian antara kedua pihak penting untuk mewujudkan suasana rumahtangga yang aman bahagia , di samping dapat mewujudkan suasana komunikasi secara terbuka di dalam keluarga .

Dalam urusan perkahwinan , Islam telah memperuntukkan beberapa hak dan perlindungan kepada kaum wanita untuk menjamin kehidupan mereka pada masa hadapan .

Hak seorang isteri sebenarnya bermula pada peringkat pra perkahwinan lagi , iaitu bermula dari peringkat memilih bakal suami , hak di dalam pertunangan , hak untuk mendapatkan maskahwin , hak untuk mendapatkan nafkah selepas wujudnya satu ikatan perkahwinan yang sah dan diakui oleh Islam . Hak-hak ini hendaklah ditunaikan oleh suami . Kegagalan pihak suami melaksanakan hak-hak ini kepada isterinya adalah bertentangan dengan syariat Islam .

OBJEKTIF KAJIAN.

Hak isteri merupakan sesuatu yang patut diketahui oleh semua wanita yang bergelar isteri atau belum bergelar isteri . Menyedari hakikat inilah , penulis merasa perlu membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya .

Penulis berharap , dari perbincangan ini ia akan lebih membuka mata para isteri dalam mendapatkan hak-hak mereka yang telah ditentukan oleh Islam . Dari perbincangan ini juga penulis berharap agar nasib para isteri akan terbela dan terhindar dari terus ditindas oleh pihak suami yang tidak bertanggungjawab .

Kebanyakan wanita , khususnya isteri tidak mengetahui hak-hak yang telah diberikan oleh Islam kepada mereka . Sesetengah wanita menganggap bahawa mereka tidak mempunyai hak dalam menentukan pasangan hidup mereka . Segala urusan berkaitan dengan menentukan pasangan hidup mereka diserahkan kepada keluarganya yang menentukan , tanpa mengambil kira soal hati dan perasaan mereka sendiri . Malahan , amat menyedihkan mereka beranggapan bahawa mereka tidak berhak untuk melihat serta mengenali bakal suami mereka sebelum perkahwinan dilakukan .

Oleh kerana ramai kaum wanita masih tidak mengetahui hak mereka , walaupun setelah bergelar isteri tentang hak-hak yang sepatutnya mereka ketahui atau perolehi dalam menentukan masa depan hidup mereka . Contoh yang jelas kita dapati ialah mengenai mahar . Sesetengah isteri langsung tidak mengetahui bahawa mahar adalah hak mutlak bagi seorang isteri . Tidak seorang pun yang berhak ke atas mahar itu walaupun ibu dan bapanya .

Dalam menangani permasalahan ini , adalah menjadi tanggungjawab dan tugas pihak-pihak berwajib menjelaskan kepada kaum wanita , terutamanya isteri-isteri untuk mendapatkan hak mereka . Mengembalikan

sesuatu hak kepada yang berhak adalah keadilan yang di tuntutan oleh Islam .

Kesan dari permasalahan ini dengan rasa keinsafan dan rendah hati penulis memilih tajuk " Pemberian (hak isteri) sebelum dan selepas perkahwinan " untuk diperbincangkan dalam penulisan ilmiah ini .

SKOP KAJIAN.

Penulis telah membuat kajian dalam bidang yang berkaitan dengan pemberian (hak isteri) sebelum dan selepas perkahwinan . Penulis berkesempatan meninjau pendapat-pendapat ulamak yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji . Penulis menyentuh soal pemberian yang harus diberikan kepada seorang isteri , bermula dari peringkat pra perkahwinan sehinggalah kepada pemberian yang diwajibkan kepada suami setelah suatu akad perkahwinan yang sah dilaksanakan .

Penulis juga meneliti pendapat-pendapat ulamak dari kitab-kitab fiqh Islam , mengkaji peruntukan yang terdapat di dalam enakmen undang-undang keluarga Islam beberapa negeri di Malaysia . Penulis juga menganalisa

beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah berkaitan dengan tajuk yang dikaji . Kebanyakan kes-kes ini didapati dari laporan Jurnal Hukum dan beberapa buah buku yang membuat ulasan mengenai kes-kes tersebut .

METOD KAJIAN.

Dalam usaha untuk mendapatkan data dan fakta dalam kajian ini penulis hanya menggunakan satu metod kajian sahaja , iaitu kajian perpustakaan . Metod ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan informasi dari buku-buku yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji .

Dalam menghuraikan persoalan fiqh serta perkara-perkara yang memerlukan kupasan mengenai sistem kekeluargaan Islam mengikut syariat Islam , penulis merujuk kepada buku-buku yang berkaitan seperti buku fiqh Al ahwal as-syaksiah , fiqh al munakahat serta buku-buku yang membincangkan mengenai institusi kekeluargaan Islam yang ditulis oleh penulis tempatan .

Kebanyakan buku-buku ini didapati dari perpustakaan utama Universiti Malaya , perpustakaan utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia , perpustakaan utama Pusat Islam dan bahan rujukan dari simpanan penulis sendiri .

BAB KEDUA

BAB KEDUA.

2.0 KONSEP PERKAHWINAN DALAM ISLAM .

Perkahwinan di dalam Islam adalah ketenteraman jiwa , kesenangan hati , penyelarasan hidup di antara suami isteri di atas dasar cinta dan rahmah , kasih sayang , harmonis , tolong menolong , nasihat menasihati dan mengorak langkah yang seirama supaya keduanya mampu membina suatu suasana mesra dan penuh kasih sayang .¹

Sayid Mujtaba Rukni Musawi Lari menjelaskan bahawa terdapat empat pandangan umum tentang mengapa manusia perlu membentuk institusi kekeluargaan . Pandangan itu boleh diringkaskan seperti berikut :-

1. Keluarga sebagai media penyaluran cinta , seks dan untuk mendapatkan anak.
2. Keluarga dapat memenuhi naluri untuk hidup dalam kumpulan dan tolong menolong ke arah penyempurnaan hidup mereka .
3. Keluarga sebagai salah satu bentuk perkongsian yang mendatangkan keuntungan kepada suami isteri.
4. Keluarga sebagai salah satu tempat mendapatkan perlindungan bagi wanita kerana mereka merupakan golongan yang lemah dan terdedah

2
kepada berbagai-bagai bahaya .

Perkahwinan hendaklah diasaskan atas rasa taqwa kepada Allah s.w.t kerana tanpa taqwa ditakuti perkahwinan itu tidak akan menurut landasan yang sebenarnya kerana ia merupakan sunnah Rasul s.a.w .

Berkasih sayang antara suami isteri bukanlah perkara khayalan . Ia adalah kenyataan atas kurnia Allah yang maha kuasa sebagaimana firmanNya . Firman Allah :-
3

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ
أَزْوَاجًا لِيَتَكُنَّ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maflumnya : Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya , dan dijadikannya di antaramu rasa kasih sayang .

(Ar-Rum , 21)

Peranan suami biasanya diperakukan dalam akad nikah , dimana seorang lelaki (suami) telah berjanji dengan Allah s.w.t untuk memperlakukan isterinya dengan baik , berbudi bahasa , sabar dan rasa simpati , sentiasa menjaga kemuliaan isterinya sebagai manusia yang dilahirkan merdeka dan dimuliakan Allah s.w.t dan para malaikat .
4

Fara suami juga merupakan pelindung dan pengurus bagi wanita (isteri) serta pentadbir bagi seluruh urusan rumahtangga dan keluarganya . Allah menentukan demikian kerana secara fizikalnya lelaki memang lebih kuat dan bertenaga . Adalah adil bagi wanita menerima hakikat ini dan bersyukur kepada Allah s.w.t kerana memberi mereka pelindung . Kelebihan darjat tertentu bagi lelaki (suami) kalau ditinjau dari sudut sosiologi disebut " instrumental leadership " atau kewajipan dan tanggungjawab di dalam rumahtangga berkaitan dengan perbezaan seksual yang berbeza .⁵

2.1 DEFINISI KAHWIN (NIKAH) .

Nikah dari segi bahasa⁶ bererti kumpul dan persetubuhan . Menurut syarak⁷ dimengertikan sebagai akad yang menghalalkan persetubuhan dengan sebab perkataan yang mengandungi lafaz nikah , perkahwinan dan sebagainya . Seterusnya nikah itu meliputi erti pergaulan rapat , batasan hak dan kewajipan serta ikatan bertolong-tolongan di antara seorang laki-laki dan perempuan yang di antaranya bukan muhrim .⁸

Nikah mengikut kamus Dewan bermaksud ,